



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam**

**PEMBANTU PERIKANAN (D.3 EB.4-5)  
JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi Pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMBANTU PERIKANAN  
JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
D.3 EB.4-5 [\$900 - \$1,625 EB KHAS \$1,665 - \$1,825 SEBULAN]  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. i) *BDTVEC / BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Perikanan sebagai Pembantu Perikanan Rendah atau dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan jawatan.

**ATAU**

- iii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun dan telah ditetapkan jawatan.
2. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
3. Mempunyai pengetahuan yang luas dalam alat-alat penangkapan ikan / cara-cara penangkapan ikan / jenis-jenis ikan dan perusahaan-perusahaan perikanan yang lainnya adalah merupakan satu kelebihan.
4. Mengikuti kursus-kursus dalam Bidang Perikanan di luar negeri adalah merupakan satu kelebihan.
5. Mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab dalam pemantauan aktiviti pemeliharaan udang di kolam dan ikan dalam sangkar serta mengawasi kualiti air dalam kolam, tangki dan sangkar;



2. Bertanggungjawab dalam pengutipan data penghasilan udang dan ikan daripada pengusaha-pengusaha;
3. Bertanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan bantuan teknikal kepada pengusaha-pengusaha kolam udang dan ikan dalam sangkar;
4. Bertanggungjawab dalam menjalankan kerja-kerja yang bersangkutan-paut dengan kemajuan dan perkembangan industri perikanan di negara ini; dan
5. Menerima dan melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai atasan dari semasa ke semasa.